

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN**
[BUKIT KATIL]
- SOALAN** : **Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh Malaysia di bawah perjanjian perkongsian dan kerjasama di antara Kesatuan Eropah dan Malaysia serta langkah-langkah yang sedang dan telah diambil untuk mematuhi perjanjian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU) telah memuktamadkan rundingan Perjanjian Rangka Kerja Perkongsian dan Kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Kesatuan Eropah (MEUPCA) sewaktu Rundingan Pusingan ke-11 yang telah diadakan pada 7-8 Disember 2015 di Brussels, Belgium.
3. MEUPCA menyediakan satu rangka kerja politik yang strategik dan menyeluruh dalam mengukuhkan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan EU. Perjanjian tersebut meliputi pelbagai bidang berkepentingan yang akan memberikan manfaat bersama dalam sektor ekonomi dan bukan ekonomi bagi Malaysia dan EU, termasuk perdagangan dan pelaburan, kewangan, keselamatan dan keamanan, tenaga, pengangkutan, kebudayaan, pelancongan, pertanian, pengurusan bencana dan bidang-bidang lain. Malaysia juga akan memperoleh faedah melalui program pembangunan kapasiti, perkongsian amalan terbaik dan pertukaran ilmu dalam bidang sains dan teknologi, teknologi hijau, alam sekitar, pendidikan dan kesihatan.
4. MEUPCA juga merupakan satu perjanjian induk yang akan mendorong pemuktamadan perjanjian dua hala spesifik yang lain. Khususnya, ia akan membolehkan kedua-dua pihak untuk meneruskan rundingan bagi satu Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang berpotensi meningkatkan lagi kerjasama perdagangan dan memberikan akses kepada produk dan perkhidmatan Malaysia dalam pasaran EU yang besar. Secara keseluruhannya, MEUPCA akan memberikan manfaat bersama dan impak yang tinggi kepada kedua-dua pihak serta akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan hubungan dua hala di antara Malaysia dan EU.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, satu Majlis Pamarapan telah diadakan pada 6 April 2016 di Putrajaya di mana ketua perunding daripada kedua-dua pihak telah menandatangani ringkas (*initial*) teks Bahasa Inggeris Perjanjian tersebut. Namun, perlu diperjelaskan bahawa MEUPCA masih belum ditandatangani dan dimeterai secara rasmi oleh Kerajaan Malaysia dan pihak EU bagi membolehkan Perjanjian ini berkuat kuasa.

5. Ini adalah kerana proses dalaman sedang diteruskan di mana penterjemahan ke atas teks perjanjian tersebut ke dalam Bahasa Malaysia dan 23 bahasa negara-negara Eropah yang lain sedang dibuat oleh kedua-dua pihak. Perjanjian tersebut akan ditandatangani oleh Menteri Luar Negeri Malaysia dan EU pada suatu tarikh dan tempat yang dipersetujui bersama kelak. Maka, soal pelaksanaan atau pematuhan kepada Perjanjian tersebut tidak timbul buat masa ini.

7. Namun, adalah ditegaskan bahawa konsultasi dalaman yang menyeluruh telah dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memastikan bahawa kepentingan negara sentiasa terpelihara dan bidang-bidang yang dipersetujui dalam Perjanjian tersebut dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.